

Mari mewarna sempena Pesta Konvo USIM

SEREMBAN 28 Okt. - Kumpulan Utusan bersama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan mengadakan pertandingan mewarna pada 8 November ini bertempat di tapak pesta sempena konvokesyen universiti itu.

Eksekutif Jualan Utusan Melayu (M) Berhad Cawangan Negeri Sembilan, Zulfadhli Sopian berkata, program berkenaan merupakan salah satu aktiviti sampingan bagi memeriahkan sambutan pesta konvokesyen dan juga aktiviti yang dinantikan oleh ibu bapa.

"Pertandingan ini terbahagi kepada tiga kategori melibatkan kanak-kanak prasekolah, peringkat tahun satu hingga tahun tiga dan tahun empat sehingga tahun enam.

"Ia terhad kepada 300 peserta terawal yang mendaftar. Peralatan mewarna perlu dibawa sendiri oleh peserta dan hanya pensil warna sahaja dibenarkan.

"Setiap penyertaan dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM3 dan

Pesta KONVO

UTUSAN MALAYSIA

WINGGUAN MALAYSIA



USIM

bayaran itu hendaklah diserahkan pada hari pertandingan atau ke alamat Utusan Melayu (M) Berhad, No. 303 Taman AST, Jalan Sungai Ujong, 70200 Seremban," katanya di sini hari ini.

Jelasnya, pelbagai hadiah menanti pemenang termasuk sebuah basikal bagi setiap kategori selain hamper.

Zulfadhli berkata, pelbagai aktiviti lain turut diadakan berkenaan termasuk studio penghias wajah, cabutan bertuah, harga diskaun

bagi produk Kumpulan Utusan.

"Orang ramai yang berkunjung ke pesta berkenaan turut berpeluang memenangi barangan elektrik menerusi cabutan bertuah yang akan diadakan pada hari berkenaan," katanya.

Katanya, orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkenaan pertandingan berkenaan boleh menghubungi Zulfadhli di talian 011-26287819 atau Shahri Harun di talian 017-6939597.